



HARIAN METRO

Asmah Rusman dan
Siti Farahiyah Aziz
am@hmetro.com.my

Berbakti kepada haiwan

■ Sekumpulan 30 pelajar KUPTM lupakan rasa jijik bersihkan Zoo Negara

Menggambarkan keadaan kotor, jijik dan bau tidak menyenangkan sudah pasti Zoo Negara bukan pilihan kebanyakan individu membabitkan diri dalam aktiviti sukarelawan di situ.

Bagaimanapun, berbeza dengan sekumpulan pelajar dari Kolej Universiti Poly-Tech MARA (KUPTM) Kuala Lumpur yang inginkan ke-lainan dan sedar haiwan juga memerlukan bantuan daripada sukarelawan.

Pelajar jurusan Diploma Komunikasi Korporat KUPTM Nazrisha Mohd Zainuddin, 20, berkata, apabila membabitkan aktiviti sukarelawan, kebanyakan individu akan tertumpu kepada pusat kebajikan tertentu.

"Walaupun kumpulan kami yang terdiri daripada 30 sukarelawan memilih Zoo Negara, ia adalah satu pengalaman berbeza dan sangat menarik kerana kami bukan saja dapat mendekati haiwan tetapi mengenali habitatnya.

"Ilmu mengenai haiwan ini sukar diperoleh dan penyertaan kami ini berjaya mengubah persepsi membabitkan ketakutan terhadap haiwan," katanya ketika ditemui di Zoo Negara, di sini, baru-baru ini.

Pelajar yang terbabit dalam aktiviti sukarelawan itu dibahagikan kepada beberapa kumpulan untuk membantu pekerja Zoo Negara menguruskan haiwan me-



SUKARELAWAN KUPTM bersama-sama memberikan makan kepada rusa di Zoo Negara.



BADAK air antara haiwan yang terdapat di Zoo Negara.

perlu menumpukan kepada manusia saja, tetapi tanpa sedar haiwan juga memerlukan sukarelawan.

"Ini kerana haiwan juga perlukan tempat yang selesa untuk hidup dan salah satu tugas sebagai sukarelawan adalah membersihkan tempat tinggal haiwan," katanya.

Menurutnya, menerusi aktiviti sukarelawan, mereka bukan saja dapat mendekatkan diri dengan alam sekitar, tetapi secara tidak langsung dapat mengatasi perasaan takut dan geli terhadap haiwan.

"Selain itu, ia memupuk nilai murni seperti saling bekerjasama dan meningkatkan kemahiran berkomunikasi apabila ada sesetengah pengunjung bertanyakan mengenai haiwan.

"Kami juga berharap lebih ramai golongan muda secara sukarela membabitkan diri dengan aktiviti alam sekitar kerana ia sangat menarik dan memberikan pengalaman yang luar biasa," katanya.



Walaupun namanya khidmat masyarakat, ia tidak bermakna hanya perlu menumpukan kepada manusia saja, tetapi tanpa sedar haiwan juga memerlukan sukarelawan. Ini kerana haiwan juga perlukan tempat yang selesa untuk hidup."

Eelina Elias

ngikut keperluan.

Pelajar, Eelina Elias, 20, juga daripada KUPTM berkata, penyertaan mereka sebagai

sukarelawan bukannya di bawah mana-mana persatuan, tetapi salah satu subjek yang perlu dipelajari iaitu

khidmat masyarakat.

"Walaupun namanya khidmat masyarakat, ia tidak bermakna kita hanya

“

Ilmu mengenai haiwan ini sukar diperoleh dan penyertaan kami berjaya mengubah persepsi membabitkan ketakutan terhadap haiwan"

Nazrisha Mohd Zainuddin